

**HUBUNGAN GAYA KEPIMPINAN PENGETUA
DENGAN KEPUASAN KERJA GURU DI SEBUAH
SEKOLAH MENENGAH DI DAERAH PAPAR**



NORAFIDAH BINTI NORALIDIN

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**SEKOLAH PENDIDIKAN DAN
PEMBANGUNAN SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2004**

ABSTRAK

HUBUNGAN GAYA KEPIMPINAN PENGETUA DENGAN KEPUASAN KERJA GURU

Kajian ini bertujuan untuk melihat gaya kepimpinan pengetua dan hubungannya dengan kepuasan kerja di sebuah Sekolah Menengah di daerah Papar. Kajian ini berusaha untuk melihat perbezaan persepsi guru terhadap gaya kepimpinan pengetua dan perbezaan tahap kepuasan kerja guru dari segi jantina dan pengalaman mengajar.

Instrumen 'Leadership Behavior Description Questionnaire' dan 'Index Job Description' digunakan dalam kajian ini. Seramai 39 orang guru di sebuah sekolah menengah di Papar telah dijadikan sebagai sampel kajian. Data dianalisis menggunakan perisian SPSS Versi 11.0. Analisis statistik yang digunakan ialah kekerapan dalam bentuk peratusan. Kolerasi Pearson digunakan untuk melihat hubungan yang signifikan antara variabel. Aras signifikan yang digunakan adalah 0.05. Keputusan telah menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan pada tahap sederhana antara gaya kepimpinan pengetua dengan kepuasan kerja guru. Kajian mendapati pengetua lebih mengamalkan gaya kepimpinan dimensi pendayautamaan struktur berbanding timbang rasa. Selain itu, bagi kepuasan kerja pula, dengan menggunakan min, ujian-t dan ANOVA keputusan telah menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi jantina dan pengalaman bekerja.

ABSTRACT

THE LEADERSHIP STYLE OF THE PRINCIPAL AND ITS RELATIONSHIP WITH WORK SATISFACTION IN A SECONDARY SCHOOL IN THE PAPAR DISTRICT

The purpose of this study is to see the leadership style of the principal and its relationship with work satisfaction in a secondary school in the Papar district. This study determines to see the distinguish perception among teachers towards the principal's style of leadership as well as with the differences of teacher's work contentment from the aspect of gender and teaching (pedagogical) experiences. 'Leadership Behavior Description Questionaired' dan 'Index Job Description' were the instruments used in this study. A number of 39 teachers in Secondary School in Papar was used as the sample of the study. Data was analyzed using the SPSS Versions 11.0 software. Statistical analysis used, was frequency in the percentages. Pearson Correlation was used to look at the significant relationship between variables. The significant level used was 0.05. Result had show that there was a significant relationship at a moderate level ($r=.439$) between principal's style of leadership with the teacher's job satisfaction. The study found out that the principal tended to practice structure dimension style of leadership instead of consideration. Apart from that , for job satisfaction, by using min, T-Test and ANOVA, result showed that any significant relationship from the aspects of gender and working experiences was null.